

08 JUL 1999

Rencana-Doktor

GADIS KUANTAN CIPTA SEJARAH PERUBATAN DI INDIA

Oleh: Halim Taib

KUALA LUMPUR: Tanpa pengetahuan kebanyakan rakyat Malaysia, seorang gadis berumur 25 tahun yang berasal dari Kuantan bukan sahaja berjaya memperolehi ijazah perubatan untuk dirinya tetapi turut mengharum nama negara dengan memungut bilangan anugerah kecemerlangan paling banyak dalam sejarah lulusan kedokteran India.

Dr Chan Pek Lui, seorang pelajar tajaan kerajaan, menjadi tumpuan umum pada majlis konvokesyen ke 34 Universiti Bangalore pada 23 Februari lepas apabila beliau terpaksa naik ke pentas sebanyak 19 kali untuk menerima 13 pingat emas dan enam anugerah istimewa kerana pencapaiannya dalam bidang perubatan (MBBS).

Pek Lui, yang kini berkhidmat sebagai seorang pegawai perubatan di Hospital Tengku Ampuan Afzan di Kuantan, menerima tepukan bergemuruh pada majlis itu, apabila pengacaranya mengumumkan bahawa beliau telah memenangi bilangan pingat dan anugerah yang paling banyak dalam sejarah universiti itu, dan mungkin juga universiti-universiti atau kolej perubatan yang lain di negara yang bilangan penduduknya kedua paling ramai di dunia itu.

Pencapaian luar biasa gadis genit itu bukan sahaja mendapat liputan dan siaran meluas hampir semua akhbar tempatan berbahasa Inggeris dan Kannada (dialek negeri Karnataka), tetapi juga mendorong Universiti Bangalore untuk mewujudkan satu anugerah khas dalam bentuk pingat emas atas nama beliau untuk rebutan pelajar-pelajar cemerlang pada masa depan.

Menceritakan tentang rahsia di sebalik kejayaan itu, Pek Lui berkata; "Sejak kecil lagi saya memang bercita-cita untuk menjadi doktor, dan kini saya bersyukur kerana hasrat itu telah tercapai.

"Saya sentiasa tekun menghadapi pelajaran dan memberi tumpuan sepenuhnya kepada apa saja yang saya lakukan," kata Pek Lui, yang juga muncul sebagai pelajar asing pertama yang memperolehi kelulusan MBBS Kelas Pertama di Universiti Bangalore.

Kesemua 13 pingat emas dan enam anugerah yang diterimanya ditaja oleh beberapa individu dan organisasi ternama di India sebagai menghargai kecemerlangan para pelajar pada peperiksaan akhir MBBS dan pelbagai mata pelajaran lain.

Pingat-pingat emas dan anugerah yang diterima Pek Lui ialah Bangalore Gold Medal; Sri S.L.Bhatia Gold Medal; Mysore Medical Education Gold Medal; Dr (Smt.) C.V Shankarambal Gold Medal; Rajasevasakthi Dr S.P Nayarana Rao Memorial Gold Medal; Victoria Hospital Golden Jubilee Commemoration Gold Medal; Dr (Mrs) Kamala Menon Gold Medal; Dr Authi Keshvalu Memorial Gold Medal.

Smt. Muniyamma & Thimmaiah Gold Medal; Ms. Suma Jayam Memorial Gold Medal; Sri Dodda Manlegowda & Smt. Parvathamma Cash Prize; Sri B.K.Garudachar Centenary Commemoration Prize; Smt. T.Rajamma Cash Prize; Sri T.R.Shamanna Prize; Sri Agrahara Chowdappa Gold Medal; Sri R.Gundura Gold Medal; National Congress of Indian Association of Medical Microbiologist Award; Smt. Meenakshanma Kaverappa Gold Medal dan XXth Joint Annual Conference of Physicians Prize.

Pingat-pingat dan anugerah itu dikurniakan kerana kecemerlangan beliau dalam bidang Perubatan, Pembedahan, Fisiologi dan Patologi, Perubatan Pencegahan dan Sosial, Mikrobiologi, Dermatologi dan Anatomi.

Sebagai menghargai prestasi yang cemerlang itu, kerajaan negeri Pahang tidak ketinggalan memberikan anugerah khas kepada Pek Lui pada satu majlis di Kuantan pada 4 Mac. Penyampaian anugerah itu dilakukan oleh Timbalan

Menteri Besar Datuk Hassan Ariffin.

Seorang bapa dari Malaysia, Ali Mamat, yang menghadiri majlis konvokesyen anaknya Ruzila di universiti yang sama, berkata beliau turut merasa megah dengan kejayaan Pek Lui sehingga mengharumkan nama Malaysia.

"Kemegahan itu begitu terasa kerana Pek Lui adalah rakan serumah dengan anak saya sewaktu menuntut di India. Setiap kali berkunjung ke kediaman dua bilik mereka di MSR Nagar, Bangalore, saya begitu kagum melihat bagaimana tekunnya Pek Lui menelaah pelajaran," kata Ali.

Pek Lui adalah salah seorang daripada 120 penuntut yang dibiayai oleh kerajaan Malaysia untuk menyambung pelajaran di bidang perubatan di India. Sebanyak 50 orang daripada mereka dihantar ke Bangalore mulai 1991 menerusi biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam.

Bersama-sama beberapa rakan dari Malaysia, Pek Lui ditempatkan di M.S. Ramaiah Medical College, salah sebuah institusi pengajian tinggi swasta yang terkenal di ibu negeri Karnataka itu.

Beliau menduduki Sijil Pelajaran Malaysia pada 1990.

Pek Lui berkata; "Kerjaya yang saya pilih sebagai seorang doktor sedikit sebanyak didorong oleh pencapaian cemerlang Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Saya sentiasa menyanjungi apa yang dilakukan Dr Mahathir, sama ada dalam kerjayanya sebagai seorang doktor perubatan atau kepimpinannya, dan ini merangsang saya untuk berusaha menuju kejayaan," kata bekas pelajar Sekolah Menengah Tengku Afzan, Kuantan itu.

Menurut beliau lagi, salah satu sebab yang mendorongnya untuk belajar dengan tekun ialah "kerana saya sedar wang yang diguna untuk membiayai pembelajaran saya adalah wang setiap orang rakyat Malaysia...jadi saya tidak mahu menghampakan harapan mereka".

Selain anak perempuan tunggal kepada seorang peniaga Chan Kim Hoon, 54, Pek Lui juga satu-satunya doktor dalam keluarganya. Ibunya, Tey Chin Hwa, 51, ialah seorang suri rumah sepenuh masa.

Abangnya, yang juga satu-satunya anak lelaki dalam keluarga itu, kini bekerja sebagai seorang cef di Tangling Club, Singapura.

Pek Lui berkata, beliau memang berhasrat untuk melanjutkan pelajaran, tetapi buat masa ini belum memastikan bidang kepakarannya.

Ketika ditanya kenapa beliau memilih hospital di Kuantan sebagai tempat bertugas, Pek Lui berkata; "Saya telah meninggalkan kampung halaman terlalu lama iaitu kira-kira tujuh tahun...kini biarlah saya berada bersama keluarga untuk seketika."

"Lagipun, saya perlu belajar banyak perkara daripada rakan-rakan doktor yang lebih senior, jururawat bahkan pesakit itu sendiri. Walaupun saya mencapai kejayaan yang baik dalam bidang pelajaran, saya masih perlu memberi tumpuan penuh ketika menjalankan tugas," kata Pek Lui.

Ditanya sama ada beliau akan menceburi politik seperti Dr Mahathir, beliau berkata; "Ia sesuatu yang sukar untuk diulas."

Menurut ibunya, Pek Lui memang seorang anak yang rajin bekerja dan begitu dedikasi terhadap pelajarannya sejak kecil lagi.

Menurut Tey, anaknya sentiasa mencapai kejayaan dalam apa jua yang dilakukannya, seperti memperolehi 9A dalam peperiksaan SPM.

"Saya tidak pernah menentukan jenis kerjaya untuk kedua-dua orang anak saya. Semuanya saya serahkan kepada pilihan dan minat masing-masing," kata Tey lagi.

Menurutnya, oleh kerana Pek Lui berminat untuk menjadi doktor, seluruh anggota keluarga yang lain memberi sokongan dan dorongan agar cita-cita itu tercapai.

Tey mengucapkan terima kasih kepada kerajaan di atas biasiswa yang diberikan kepada Pek Lui dan berharap anaknya itu akan mencurahkan khidmat bakti yang sebaik mungkin kepada negara.

-- Bernama
HT AM